



GARIS PANDUAN FASA PERALIHAN BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA INFORMAL

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah di mana institusi-institusi pendidikan swasta informal seperti pusat-pusat bimbingan atau tuisyen dan kemahiran (termasuk komputer, musik, bahasa dan perkembangan kanak-kanak) di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti semasa fasa peralihan dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan. Pendekatan kami adalah untuk memastikan pematuhan kepada langkah teras yang disenaraikan di bawah langkah-langkah Kawalan COVID-19, penggunaan *Antigen Rapid Test* (ART) untuk pengesanan awal penyakit dan memperkenalkan sekatan yang berbeza bagi individu sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.

FASA PERALIHAN

Akan bermula pada tahap 70% perlindungan vaksinasi.

Kurangkan penyakit serius, kemasukan ke hospital dan kematian yang disebabkan oleh COVID-19.

Langkah-langkah yang akan dilaksanakan:

- ***Vaksinasi***: Meningkatkan perlindungan vaksinasi termasuk dos vaksin penggalak.
- ***Pemantauan***: Fokus laporan harian beralih daripada nombor kes harian kepada purata mingguan dan memberi tumpuan kepada penyakit serius dan kematian.
- ***De-escalation***: Pembukaan semula tempat kerja, perniagaan dan sekolah secara berperingkat dengan kemungkinan sekatan peringkat rendah yang berterusan, diselaraskan untuk mengurangkan kes yang teruk.
- ***Pengesanan***: Langkah pengesanan kenalan (*contact tracing*) dan kuarantin untuk memberi tumpuan kepada pencegahan kluster COVID-19 yang besar.
- ***Sekatan Akses***: Sekatan yang berbeza bagi individu sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.
- ***Senarai Hijau Perjalanan***: Menubuhkan Senarai Hijau Perjalanan dengan mengurangkan sekatan ke atas perjalanan masuk dan keluar untuk individu yang sudah melengkapkan vaksinasi.



LANGKAH-LANGKAH KAWALAN COVID-19

- **Penggunaan aplikasi BruHealth:**
 - **Mendaftar BruHealth:** Semua premis mesti mendaftar untuk mendapatkan kod QR BruHealth.
 - **Mengimbas Kod BruHealth:** Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis mengimbas aplikasi BruHealth mereka sebaik sahaja masuk (termasuk semua pekerja/kakitangan/sukarelawan).
 - **Warna Kod BruHealth:** Pemilik premis memastikan hanya individu yang mempunyai kod BruHealth Hijau dan Kuning dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.

- **Vaksin Lengkap:**

Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja/kakitangan/sukarelawan layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya.

- **Penjarakan Sosial:**

Langkah-langkah penjarakan fizikal yang telah ditetapkan: sekurang-kurangnya 1.5 m antara individu jika boleh.

- **Pengudaraan Premis:**

Pemilik premis tertutup memastikan premis mempunyai pengudaraan yang mencukupi.

INDIVIDU YANG DIVAKSIN SEPENUHNYA

Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima rejimen vaksin yang di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan WHO (WHO EUL) atau vaksin yang diluluskan BDMCA. Kedudukan vaksinasi dalam aplikasi BruHealth, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) individu atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima boleh ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.



LANGKAH-LANGKAH UNTUK PEMBUKAAN INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA INFORMAL

Sekatan Kapasiti

- Institusi-institusi pendidikan swasta informal dibenarkan beroperasi dengan had kapasiti 50% mengikut keluasan tempat dalam satu masa untuk tenaga pengajar dan bukan tenaga pengajar sahaja, dan pembelajaran masih dilaksanakan secara dalam talian.

Protokol Kemasukan

- Hanya individu yang lengkap mendapat 2 dos vaksin dibenarkan untuk hadir ke premis-premis berkenaan. Bukti pengesahan vaksinasi hendaklah ditunjukkan.
- Semua individu untuk menjalani ujian ART sekali setiap dua minggu dengan keputusan negatif.
- Semua individu dikehendaki memakai sungkup muka (*face mask*).
- Semua individu dikehendaki mengimbas Kod QR premis dengan menggunakan aplikasi BruHealth.
- Hanya individu yang mempunyai kod BruHealth warna hijau dan kuning sahaja dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah ditunjukkan sebagai pengesahan.
- Individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan masuk.
- Mempraktikkan penjarakan sosial pada setiap masa.
- Mengelakkan sebarang kontak fizikal.
- Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan dan menggunakan sanitasi tangan sebelum memasuki premis.
- Memastikan Garis Panduan Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam sentiasa dipatuhi.

Protokol Pengurusan Sanitasi dan Pembersihan Pembasmi Kuman

- Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
- Menyediakan tisu dan cecair pembasmi kuman untuk pengguna/pengunjung.
- Membersihkan kerusi dan meja dan peralatan premis selepas digunakan.
- Membersihkan tombol pemegang pintu setiap dua jam.
- Kerap membersihkan tandas dalam sehari.
- Menyediakan sabun pencuci tangan di dalam tandas.
- Membersihkan ruang/bilik yang digunakan oleh pengguna/pengunjung dengan cecair pembasmi kuman dua kali sehari.
- *Deep sanitization* akan dilaksanakan satu kali dalam seminggu.